



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara guru rugi RM224,840 kena tipu 'rakan lama'
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 18 November 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 24

Pesara guru rugi RM224,840 kena tipu 'rakan lama'

Mangsa African Scam terpedaya pinjamkan wang untuk rawat anak

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Seorang pesara guru kerugian RM224,840 selepas terpedaya dengan helah seorang 'rakan lama', yang juga ahli sindiket African Scam, di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani, berkata wanita berusia 63 tahun itu mendakwa menerima panggilan daripada individu yang mengaku sebagai rakan lama, antara 7 hingga 24

September lalu.

Katanya, rakan lama wanita itu yang kini menetap di Liverpool, England menghubunginya untuk meminjam wang bagi membiayai kos rawatan anak.

Beliau berkata, wanita berkenaan kemudian bersetuju untuk membantu dan telah membuat pindahan wang pada 7 September lalu ke dalam sebuah akaun bank tempatan milik anak kepada 'rakan lama', untuk kos pembedahan di Hospital Miri, Sarawak.

"Pada hari yang sama juga, 'rakan lama' pengadu telah

membayar semula sebanyak 10,000 Pound Sterling bersama resit kemasukan wang kepada pengadu.

"Pada 14 September, pengadu menerima mesej menerusi aplikasi WhatsApp yang memperkenalkan diri sebagai seorang pegawai Bank Negara, Fadilah Husaini, yang memaklumkan mengenai wang yang dimasukkan daripada 'rakan lama' berjumlah 100,000 pound sterling, bukan 10,000 pound sterling dan memaklumkan terdapat kesalahan pada sistem resit.

"Individu berkenaan meminta pengadu untuk membayar cukai bagi mendapatkan wangnya kembali. Pengadu juga sudah dirujuk kepada Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom mengenai

kesilapan kemasukan wang itu dan telah diminta untuk membuat bayaran penalti, insurans dan sekuriti servis," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Aibee berkata, susulan itu, pengadu memasukkan wang ke dalam beberapa akaun bank tempatan yang keseluruhannya berjumlah RM224,840, seperti diarahkan suspek.

"Bagaimanapun, mangsa menyedari dia menjadi mangsa penipuan sindiket apabila proses pembayaran semula tidak berlaku.

"Mangsa membuat laporan di Balai Polis Senawang pada 16 November lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu," katanya.



 **Pengadu sudah dirujuk kepada Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom mengenai kesilapan kemasukan wang itu dan telah diminta membuat bayaran penalti, insurans dan sekuriti servis.**

Aibee Abd Ghani,
Ketua JSJK IPK Negeri Sembilan